



NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA WELFARE FUND

**TABUNG KEBAJIKAN KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

**PERATURAN-PERATURAN TAMBAHAN  
TABUNG KEBAJIKAN, KESATUAN**

.....  
**NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR**  
.....

**MALAYSIA**  
.....

**KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

## PERATURAN TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN

KESATUAN: [NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA](#)

### 1. NAMA

Tabung ini hendaklah dinamakan **TABUNG KEBAJIKAN KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG MALAYSIA**.

.....  
Tabung Kebajikan ini hendaklah disebut selepas ini sebagai “Tabung” dan Kesatuan  
.....  
sebagai “Kesatuan” sahaja.

### 2. TUJUAN

Tabung ini ditubuhkan bagi tujuan-tujuan berikut:-

- (i) untuk membolehkan penama ahli atau waris ahli yang sah mendapat bantuan apabila berlaku kematian ahli itu;
- (ii) untuk memberikan faedah bersara kepada ahli-ahli;
- (iii) untuk memberikan bantuan kepada ahli-ahli semasa ahli-ahli itu sakit;
- (iv) untuk memberi bantuan kepada ahli-ahli kesatuan yang diberhentikan kerja dengan sebab kesihatan; dan
- (v) untuk memberi bantuan biasiswa kepada anak-anak ahli.

### 3. AHLI

- (i) Semua ahli-ahli kesatuan ini dengan sendirinya menjadi ahli Tabung ini.
- (ii) Seseorang yang memohon untuk berhenti menjadi ahli kesatuan atau telah menerima faedah pesara dengan sendirinya terhenti dari menjadi ahli Tabung ini. Seseorang ahli yang terhutang yurannya selama tiga bulan atau lebih tidak berhak menerima apa-apa faedah yang ditentukan dalam peraturan-peraturan ini.
- (iii) Seseorang pekerja yang terhenti menjadi ahli kesatuan oleh sebab diberhentikan kerja boleh meneruskan menjadi ahli Tabung ini sebagai ahli Bersekutu dengan bayaran **RM24** setahun supaya boleh mendapat faedah di bawah Tabung ini.

### 4. KEWANGAN

- (i) Tiap-tiap ahli dikenakan bayaran yuran kebajikan sebanyak **RM2 (Ringgit Malaysia: DUA)** sebulan menurut Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Kesatuan. Pungutan ini hendaklah diutukkan dan dipindahkan kepada Tabung ini tidak lewat dari hari yang keempat belas pada bulan yang berikutnya.
- (ii) Semua wang yang dipungut untuk Tabung ini hendaklah digunakan untuk membayar:-
  - (a) Faedah kematian ahli-ahli;
  - (b) Faedah bersara ahli-ahli;
  - (c) Faedah waktu sakit ahli-ahli;

- (d) Faedah pemberhentian kerja dengan sebab kesihatan ahli-ahli;
  - (e) Faedah biasiswa anak-anak ahli.
- (iii) Bayaran faedah dan bantuan tersebut dalam Peraturan 4(b) di atas hendaklah dibuat mengikut kadar dan cara-cara sebagaimana yang ditentukan dalam Peraturan Tambahan ini.
- (iv) Jika Tabung ini tidak digunakan sepenuhnya dalam sesuatu tahun kewangan, bakinya hendaklah dikekalkan di dalam tabung ini dan dikendalikan dalam satu akaun berasingan.

## 5. **PENTADBIRAN**

Tabung ini hendaklah ditadbirkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung kesatuan.

## 6. **SIMPANAN BANK**

Semua wang tabung ini hendaklah disimpan di dalam bank yang diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung, atas nama Tabung Kebajikan, dan kira-kiranya hendaklah diselenggarakan bersama-sama oleh **Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung** kesatuan.

## 7. **REKOD-REKOD**

- (i) Bendahari hendaklah menyediakan dan menyimpan buku kira-kira yang berasingan bagi tabung ini.
- (ii) Buku-buku yang berikut hendaklah diselenggarakan oleh Bendahari:-
  - (a) sebuah Buku Tunai;
  - (b) sebuah Daftar Penama;
  - (c) sebuah daftar pemohon-pemohon faedah kematian dan bersara yang menunjukkan nama dan butir-butir pemohon;
  - (d) sebuah daftar pemohon-pemohon biasiswa dengan menunjukkan nama dan butir-butir berkenaan dengan pemohon-pemohon itu;
  - (e) sebuah daftar yang menunjukkan tarikh dan segala butir-butir berkenaan dengan biasiswa yang diberikan kepada anak-anak ahli;
  - (f) sebuah daftar pemberhentian kerja dengan sebab kesihatan;
  - (g) buku-buku lain yang difikirkan perlu oleh Majlis Jawatankuasa Agung.
- (iii) Setiausaha Agung kesatuan hendaklah menyelenggarakan segala surat menyurat berkenaan dengan Tabung ini.

## 8. **PENAMA**

Tiap-tiap ahli Tabung ini hendaklah melantik seorang penama. Satu borang penama seperti yang ditentukan oleh Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah dipenuhi oleh tiap-tiap ahli dan dihantarkan kepada Setiausaha Agung melalui Setiausaha Cawangan. Segala pertukaran penama atau pindaan kepada butir-butir berkenaan dengan penama itu hendaklah diberitahu dengan segera kepada Setiausaha Agung melalui Setiausaha Cawangan. Jika tiada penama dilantik, wang faedah itu hendaklah dibayar kepada waris ahli itu yang sah disisi undang-undang.

9. **KELAYAKAN MENDAPAT FAEDAH**

Tertakluk kepada Peraturan 3(ii) dari Peraturan Tambahan ini faedah-faedah di bawah peraturan-peraturan ini tidaklah boleh dibayar kecuali ahli itu menjadi ahli kesatuan ini dengan tidak putus-putus selama **(sekurang-kurangnya 60 bulan)**. Mana-mana ahli yang telah mendapat faedah bersara tidaklah layak menerima faedah kematian.

10. **PEMBAYARAN FAEDAH KEMATIAN AHLI (Amended)**

- (i) Apabila mati seseorang ahli kesatuan ini, penama atau waris ahli itu sebagaimana yang ditentukan di bawah Peraturan 8 Peraturan Tambahan ini akan dibayar faedah sebanyak **RM1000** (Ringgit Malaysia: **SATU RIBU**). **353/ 5/2017(1)-(2)**
- (ia) Apabila kematian keluarga terdekat seseorang ahli (suami/isteri, anak, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua), sebagaimana ditentukan di bawah Peraturan 8, Peraturan Tambahan ini akan dibayar faedah sebanyak RM200 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus). **353/4/2018(1)-(2)**
- (ii) Permohonan untuk faedah kematian hendaklah dibuat dengan seberapa segera setelah berlaku kematian seseorang ahli/keluarga terdekat ahli itu dan pembayaran faedah hendaklah dibuat tidak lewat dari satu bulan setelah permohonan diterima. **353/4/2018(1)-(2)**
- (iii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan sijil perakuan mati.

11. **PEMBAYARAN FAEDAH BERSARA AHLI-AHLI (Amended)**

- (i) Seseorang ahli kesatuan yang berhenti kerja kerana telah mencapai umur bersara sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat-syarat perkhidmatannya akan menerima pembayaran faedah bersara sebanyak **(RM1000)** (Ringgit Malaysia; **.SATU RIBU**). Jika syarat-syarat perkhidmatannya tidak menetapkan umur bersara, pemberhentian kerjanya itu hendaklah setelah mencapai umur lima puluh lima (55) tahun untuk ahli-ahli lelaki dan lima puluh (50) tahun untuk ahli-ahli perempuan. **(353/ 5/2017(1)-(2)**
- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan surat pengesahan mengenai persaraan ahli itu yang dikeluarkan oleh majikannya.
- (iii) Seseorang ahli yang telah menerima faedah bersara tidaklah layak menerima faedah kematian.

12. **PEMBAYARAN FAEDAH KEPADA AHLI-AHLI SEMASA DIRAWAT DI WAD HOSPITAL (Amended)**
- (i) Seseorang ahli kesatuan yang sakit selain dari sebab keguguran kandungan dan bersalin, dan ianya dirawat di dalam wad mana-mana hospital kerajaan atau swasta akan dibayar faedah sebanyak **RM50.00** (Ringgit Malaysia: **Lima Puluh**) bagi setiap malam **{353/5/2017(1)-(2)}** ianya dirawat dalam wad berkenaan. Had pembayaran faedah ialah tidak melebihi dari **(RM500.00)** (Ringgit Malaysia: **Lima Ratus**) dalam sesuatu tahun bagi seseorang ahli. **353/4/2018(1)-(2).**
- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan keluar masuk wad oleh hospital yang berkenaan.
13. **PEMBAYARAN FAEDAH PEMBERHENTIAN KERJA AHLI-AHLI DENGAN SEBAB KESIHATAN (Amended)**
- (i) Seseorang ahli kesatuan yang diberhentikan kerja oleh majikannya dengan sebab-sebab kesihatan akan dibayar faedah sebanyak **(RM1,000)** (Ringgit Malaysia: **SATU RIBU**) **353/5/2017(1)-(2)**
- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan daripada majikan yang diambil adalah menurut cadangan atau sokongan pegawai perubatan di atas kesihatan ahli itu.
- (iii) Seseorang ahli kesatuan layak mendapat faedah ini sebanyak sekali sahaja dan jika pernah menerima faedah ini tidaklah layak lagi menerima faedah bersara.
14. **PENERIMA BIASISWA (Amended)** **353/5/2017(1)-(2)**
- (i) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah mengeluarkan biasiswa pada tiap-tiap tahun kepada anak-anak ahli yang layak. Bilangan biasiswa yang dikeluarkan itu dan nilai tiap-tiap satu biasiswa itu hendaklah ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung menurut timbang bicaranya.
- (ii) Biasiswa-biasiswa ini hendaklah dikeluarkan kepada penuntut-penuntut yang lulus peperiksaan **PT3** atau **Sijil Pelajaran Malaysia** di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Seseorang penuntut layak mendapat faedah hanya sekali bagi sesuatu peperiksaan. Kelayakan untuk mendapat biasiswa ini tertakluk kepada **a) PT3** mendapat 5A ke atas sumbangan **RM200**, **b) Sijil Pelajaran Malaysia** mendapat 5A ke atas sumbangan **RM200**. **353/5/2017(1)-(2),**
- 14(ii) **c) UPSR** mendapat 5A ke atas sumbangan **RM200.00**. **353/4/2018 (10-(2)**
- (iii) Biasiswa-biasiswa ini hendaklah dihadiahkan setelah Ahli mengemukakan slip keputusan peperiksaan tersebut kepada Majlis Jawatankuasa Agung NUJM. **353/5/2017(1)-(2)**
- (iv) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah membentangkan satu laporan mengenai biasiswa ini kepada Persidangan Perwakilan Tahunan.

- (v) Biasiswa ini tidak boleh dikeluarkan kepada seseorang penuntut yang sedang menerima sebarang bantuan, biasiswa atau pemberian dari sumber-sumber lain yang jumlahnya lebih dari RM200.00 setahun.

**15. AUDIT**

Kira-kira tabung ini hendaklah dibuat dengan cara yang sama mengikut kehendak Peraturan 14 dan Peraturan 15 Undang-Undang tubuh kesatuan.

**16. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM PERATURAN TAMBAHAN**

Keputusan Majlis Jawatankuasa Agung adalah muktamad mengenai perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Tambahan ini melainkan jika dibatalkan oleh Persidangan Perwakilan.

**17. PERBELANJAAN PENTADBIRAN (Amended)**

Wang dari Tabung ini hanya boleh digunakan bagi membayar faedah kematian ahli dan keluarga ahli terdekat seperti terkandung di dalam Peraturan 10(ia), faedah ahli yang bersara, faedah ahli yang sakit, pemberhentian kerja dengan sebab kesihatan dan untuk mengeluarkan biasiswa mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan tambahan ini. Segala perbelanjaan berhubung dengan pentadbiran Tabung ini hendaklah dibayar dari Tabung Am Kesatuan. **353/4/2018(1)-(2)**

**18. PENAMBAHAN DAN PINDAAN PERATURAN TAMBAHAN**

Penambahan atau pindaan kepada peraturan tambahan ini tidak boleh dibuat melainkan dengan mengikut Peraturan 24 dari Undang-Undang tubuh kesatuan dan segala tambahan atau pindaan itu tidak boleh dikuatkuasakan sehingga didaftarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja.

**19. PEMBUBARAN**

Jika Majlis Jawatankuasa Agung berpendapat bahawa disebabkan oleh kedudukan kewangan Tabung ini atau dengan lain-lain sebab Tabung ini tidak boleh lagi diteruskan, maka satu ketetapan bagi pembubarannya akan diambil dengan undi sulit oleh semua ahli yang berhak. Tabung ini tidak boleh dibubarkan dengan sukareka kecuali dengan persetujuan 75% dari ahli-ahli yang berhak mengundi. Apabila Tabung ini dibubarkan, segala tanggungan dan hutangnya hendaklah diselesaikan dan bakinya, jika ada, hendaklah dipindahkan kepada Tabung Am kesatuan.